

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (PAGOH)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 27.03.2018**

**Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN [ PAGOH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian (bagi tiga tahun kebelakangan ini 2015-2017) pecahan jumlah pemotongan subsidi Kerajaan mengikut sektor dan bagaimanakah wang 'penjimatan' melalui pemotongan subsidi ini digunakan atau disalurkan, nyatakan penerima manfaat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi subsidi sebagai salah satu langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) bagi mengalih secara

berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM74.31 bilion untuk subsidi, insentif pertanian dan bantuan sosial bagi tempoh 2015 hingga 2017. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak RM14 bilion dibelanjakan untuk subsidi barangan seperti bahan api, tepung gandum, minyak masak, diskaun bekalan elektrik serta subsidi perkhidmatan seperti pampasan tol dan pengangkutan awam. Sebanyak RM5.87 bilion pula untuk insentif pertanian dan perikanan manakala RM54.43 bilion untuk bantuan sosial. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Jenis subsidi	RM bilion			
	2015	2016	2017	Jumlah
Subsidi barangan keperluan harian	4.94	3.24	3.95	12.13
Subsidi perkhidmatan pengangkutan	0.48	0.79	0.61	1.88
Subsidi dan insentif pertanian/perikanan/perladangan	1.78	1.83	2.26	5.87
Bantuan Sosial	20.07	18.83	15.53	54.43
				<b>74.31</b>

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi subsidi barangan keperluan harian iaitu subsidi harga beras dan subsidi tepung pek 25kg pada tahun 2015. Berikutan langkah rasionalisasi subsidi kedua-dua barangan tersebut dan pelaksanaan sistem pengapungan terkawal (*managed float*) harga runcit petrol RON95 dan diesel bermula Disember 2014, perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial Kerajaan telah berkurang dari RM27.3 bilion pada tahun 2015 kepada RM22.4 bilion pada 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada penjimatan yang diperoleh daripada rasionalisasi subsidi disalurkan semula secara terus kepada kumpulan sasar dalam bentuk bantuan tunai seperti BR1M, bantuan persekolahan, bantuan keluarga miskin, dan bantuan OKU, manakala sebahagian lagi digunakan untuk pembiayaan program dan projek pembangunan termasuk penyediaan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, bantuan kebajikan serta menambah baik sistem pengangkutan awam. Di samping itu, Kerajaan terus menyediakan insentif bagi meningkatkan pengeluaran produk pertanian seperti padi, getah dan perikanan yang turut memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.

27  
Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi ini telah dapat meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta mengurangkan ketirisan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Hal ini adalah penting bagi memastikan kemapanan fiskal jangka panjang dan mengekalkan daya tahan ekonomi negara seterusnya memperkukuh kemampuan Kerajaan untuk melaksanakan langkah kitaran balas (*counter-cyclical measures*) dalam menyokong ekonomi negara sekiranya menghadapi krisis. Walaupun Kerajaan komited dengan langkah konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi, namun, kebajikan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan.